



اُنِيْوَرْسِيْتِيْ تِكْنُوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

**EDISI 3
OKTOBER 2025**

U

R

H

P

JPK *BREKKIE*

EXCO PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN

Pada 12 April 2025, Exco Perniagaan dan Keusahawanan, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah mengadakan aktiviti jualan sarapan pagi yang diberi nama JPK *BREKKIE* bertempat di hadapan pejabat Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar URHP. Aktiviti ini bertujuan untuk menjana dana dan menjual sarapan pagi untuk pelajar yang tinggal di kolej Bendahara Skudai dan Kolej Mayang Selida.



Antara makanan yang dijual sepanjang JPK *BREKKIE* ialah nasi lemak daun pisang, kuih ketayap, kuih karipap dan teh panas. Aktiviti jualan ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik daripada para pelajar. Hasil daripada jualan ini, exco berjaya memperoleh keuntungan sebanyak RM117.

Aktiviti ini bukan sahaja membantu menambah tabung kewangan exco, malah menggalakkan semangat keusahawanan dalam kalangan ahli yang terlibat. Jualan ini juga akan dijalankan setiap hari Sabtu hingga Minggu ke-11. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah memberikan komitmen dan kerjasama sepanjang aktiviti jualan berlangsung. Semoga semangat ini dapat diteruskan dalam program-program yang akan datang.